

PPK101  
RANCANGAN PENDIDIKAN  
INDIVIDU JABATAN  
**PENDIDIKAN KHAS**

EEZZAH NAJIHAH BINTI AZMI  
NURSYAZANA BINTI MOHD KAMAL  
NURUL AYUNI HASANAH BINTI MOHD SABERI

# DEFINISI RPI

“RPI merupakan satu perjanjian bertulis diantara ibu bapa dan pihak sekolah tentang keperluan kanak-kanak dan cara bagaimana keperluan-keperluan tersebut boleh dipenuhi.Dari segi perlaksanaan, RPI adalah sebuah kontrak tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu disediakan untuk seseorang murid tersebut”

(Hallahan D.P dan Kauffman, J.M.,1978)

“RPI ialah suatu program pengajaran berdasarkan penilaian pelbagai disiplin dan dibina untuk memenuhi keperluan-keperluan individu murid kurang upaya”

(Bender W.N (1995)

- RPI pada dasarnya adalah satu pernyataan ringkas tentang :
- tahap prestasi seseorang murid
- perancangan yang merangkumi aspek akademik dan bukan akademik
- matlamat tahunan yang boleh dicapai oleh murid
- maklumat yang mengandungi satu siri objektif yang boleh diukur bagi setiap matlamat yang dikenal pasti
- objektif, prosedur dan urutan penilaian bagi menentukan pencapaian
- perancangan jangka masa dan tarikh perkhidmatan yang disediakan untuk murid
- satu perancangan dan persediaan untuk membantu murid berkeperluan khas menghadapi alam sekitar
- RPI adalah rancangan program penilaian berterusan untuk seseorang murid, dan sebagai teras perancangan pendidikan dalam program pendidikan khas.

# MATLAMAT RPI

- Matlamat jangka panjang di dalam RPI merupakan satu kenyataan berkaitan apa yang diharapkan dicapai oleh seseorang murid dengan keperluan khas dalam bidang tertentu.
- Ia ditulis bagi menegaskan tentang kelemahan yang dikenal pasti dalam pencapaian semasa seseorang murid itu.
- Matlamat yang dinyatakan menggambarkan pengetahuan berkaitan fungsi semasa murid itu dalam kemahiran , kemahiran seterusnya dan anggaran bagi kadar pembelajaran murid itu.
- Matlamat ini dinyatakan dalam bentuk yang dapat diukur, tingkah laku yang dapat diperhatikan dan melibatkan ketidakupayaan utama yang dikenal pasti dalam pencapaian pembelajaran murid.

## **CONTOH MATLAMAT JANGKA PANJANG**

- Mengenal dan menulis angka-angka 0–100 dengan 95% ketepatan sebagai ukuran oleh guru untuk membuat ujian.

## **CONTOH OBJEKTIF JANGKA PENDEK**

- Langkah 1 – mengenali angka 0–100 dengan 95% ketepatan
- Langkah 2 – menulis dan menyebut dalam urutan angka dari 0–100 dengan 95% ketepatan
- Langkah 3 – menulis dan menyebut dalam pengasingan angka-angka dari 0–100 dengan 95% ketepatan
- Langkah 4 – menulis daripada daya ingatan terhadap angka dari 0–100 dengan 95% ketepatan

# TUJUAN RPI

PEMBELAJARAN

KERJASAMA

MATLAMAT DAN  
KEMAHIRAN

PERKHIDMATAN

KOMUNIKASI

# KANDUNGAN RPI

- NAMA MURID, TARikh LAHIR, UMUR
- RANCANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK
- TARikh MEMULAKAN RANCANGAN DAN TARikh SEMAK SEMULA
- MATLAMAT YANG DITENTUKAN UNTUK MURID
- OBJEKTIF YANG BOLEH DIUKUR DAN DICAPAI DALAM MASA YANG DITETAPKAN
- STRATEGI PERLAKSANAAN
- PENILAIAN

# CIRI - CIRI RPI

KOMPREHENSIF

MENGIKUT  
URUTAN

MUDAH  
DIFAHAMI

SPESIFIK

REALISTIK &  
BERSESUAIAN

DIGUBAL  
BERSAMA

# KOMPONEN DALAM RPI

- ❖ Pernyataan mengenai tahap perlakuan pendidikan sekarang.
- ❖ Pernyataan mengenai matlamat tahunan dan objektif jangka pendek.
- ❖ Pernyataan mengenai pendidikan khas, perkhidmatan berkaitan dan alat bantuan sokongan yang diperlukan.
- ❖ Pernyataan tentang kemudahan
- ❖ Memberi perkhidmatan dan menjalankan modifikasi yang diperlukan.
- ❖ Cara penilaian.

**RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU**  
**KELAS PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN 2012**

<b>Nama : NAJIHAH</b>		<b>Tarikh Lahir :</b>	<b>Tarikh Mula :</b> 4 JAN 2012	<b>Tarikh Semak :</b> 4 APRIL 2012		
<b>Komponen : BAHASA MELAYU</b>		<b>Umur :</b>				
<b>Pengetahuan Sedia Ada</b>	<b>Pelajar boleh menulis perkataan berstruktur VKV,VVKV,KVKV DAN KVVKV dengan 50 % lancar.</b>					
<b>Matlamat Jangka Panjang</b>	<b>Pelajar akan boleh menulis perkataan 2 sukukata berstruktur KVVKKK&amp; KVKKVKK dan perkataan 3 sukukata</b>					
<b>Kekuatan / Minat</b>	<b>Membina perkataan dan ayat berdasarkan gambar yang ditunjukkan</b>					
<b>Kelemahan / Masalah Yang Dikenal Pasti</b>	<b>Sukar menulis perkataan KVKKVK , KVKKVKK dan perkataan lebih 2 sukukata. Contoh: pernah, pancing MENJADI penah / pacing</b>					
<b>Objektif Jangka Pendek</b>	<b>Pendekatan</b>	<b>Penilaian / Tarikh / Tanggungjawab</b>				
	<b>-Membaca perkataan bergambar -Latih tubi tatabahasa -Membaca teks bergambar -Membina ayat pendek 4-6 perkataan berdasarkan gambar</b>					

Tandatangan ibu bapa /penjaga :

(Nama : .....

Tarikh Bersidang Awal :

Tandatangan ibu bapa /penjaga :

(Nama : .....


Tarikh Bersidang Akhir :

Tandatangan Guru :

(Nama : .....

Tandatangan Guru :

(Nama : .....



## Rujukan pihak yang terlibat

- Guru, ibu bapa dan sekolah, sekolah dan agensi luar yang berkaitan.

## Pengumpulan maklumat

- Mengumpul segala maklumat berkaitan dengan kekuatan, kelemahan dan keperluan murid yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

## Mesyuarat

- Mesyuarat RPI mempunyai dua fungsi utama iaitu:
  - Aspek tugas
  - Tanggungjawab

## Penulisan RPI

- Penulisan RPI perlu mempunyai komponen-komponen berikut:
  - Objektif yang khusus untuk murid
  - Strategi pengajaran yang terperinci
  - Profesional atau individu yang akan bertanggungjawab terhadap tugas berkenaan
  - Sumber yang diperlukan untuk mencapai objektif
  - Prosedur penilaian yang terperinci

## Pelaksanaan

- Segala sumber dan kemudahan bantuan perlu disedia, diselaras dan dipantau untuk membantu pencapaian pengajaran guru.

## Penilaian

- Maklumat tentang pencapaian dan perkembangan murid dikumpul
- Maklumat pencapaian dan perkembangan murid perlu dibentangkan oleh guru
- Segala maklumat perlu dibincang bersama oleh ahli jawatankuasa bagi tujuan pemantauan
- Sekiranya objektif dan matlamat telah dicapai, program perancangan yang seterusnya perlu dirangka sesuai dengan matlamat berikutnya.

## Kesimpulan

Rancangan Pendidikan Individu (RPI) menumpukan kepada perancangan, penyediaan dan pelaksanaan RPI. Guru-guru akan mengetahui kepentingan RPI dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid berkeperluan khas serta menyedari bahawa setiap murid adalah istimewa, mempunyai keupayaan dan pencapaian yang berbeza.